

**UCAPAN
YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL ISKANDAR HJ. MOHD. AKIN
TIMBALAN MENTERI INDUSTRI UTAMA**

**MAJLIS PENUTUP
BENGKEL PEMANTAPAN GERAK KERJA C TEAM
RANAU, SABAH,
11 OKTOBER 2018**

Yang Berhormat Tuan Jonathan Yasin,
Pengerusi Lembaga Pengelola LKM,
Merangkap Ahli Parlimen Ranau.

Yang Berbahagia Datin Norhaini Udin,
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan warga Lembaga Koko Malaysia.

Burung tempua hinggap merata,
Sayang Merbah di pohon cemara,
Assalamualaikum mulanya kata,
Awal Bismillah pembuka bicara.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan salam YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama yang tidak dapat bersama kita pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) kerana berpeluang bertemu dengan pegawai-pegawai penyelidik dan agen pengembangan agensi serta pengusaha-pengusaha koko pada hari ini. Izinkan saya membaca ucapan ini bagi pihak YB Menteri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Saya difahamkan Bengkel Pemantapan Gerak Kerja Cocoa-Team atau *C-Team* ini telah bermula sejak dua hari yang lalu. Bengkel ini melibatkan pengusaha-pengusaha tanaman koko dari kawasan liputan *C-Team* iaitu Sabah, Sarawak, Johor, Selangor, Perak, Kelantan dan

Melaka. Syabas dan tahniah kepada LKM dengan penganjuran program seumpama ini.

4. Program *C-Team* ini dirangka sebagai usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran koko melalui pengurusan tanaman yang cekap dan berkesan secara *in-situ*. Kumpulan pakar dari LKM sedia memberikan khidmat nasihat teknikal dan pengembangan kepada pengusaha-pengusaha tanaman koko melalui *C-Team* ini. Saya berharap para peserta bengkel ini telah memperolehi manfaat dari segi maklumat agrotani yang terkini, kemahiran baharu hasil sesi praktikal di lapangan dan berpeluang berkongsi pengalaman.

Banyak keluk ke penarik,
Keluk tumbuh pohon kuini,
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggallah di sini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Sebanyak 30 kumpulan *C-Team* telah diwujudkan sejak tahun 2016 dan kumpulan-kumpulan ini telah berjaya menghasilkan peningkatan pengeluaran antara 6% hingga 104% di Kelantan, Johor, Melaka dan Sabah. Melihatkan pencapaian yang memberangsangkan ini, sukacita saya ingin mencadangkan agar skop *C-Team* ini diperluaskan dengan melibatkan pekebun kecil koko melalui *Cocoa Community Team* atau *CC Team* di seluruh kawasan tanaman koko sedia ada yang dianggarkan seluas 17,550 hektar. Usaha sebegini berupaya meningkatkan pengeluaran koko dan seterusnya memenuhi keperluan industri koko tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Pemilihan tempat bengkel ini juga amat bersesuaian memandangkan Ranau merupakan tapak Kluster Koko Sabah, *Highland Cocoa*. Lebih-lebih lagi Ranau merupakan kawasan tanaman koko yang pesat dimajukan sejak akhir tahun 1998 dan disokong oleh pekebun-pekebun koko yang komited.

7. Pendekatan pembangunan sepanjang rangkaian nilai menjadi teras Kluster Koko. Konsep koko kepada coklat atau *beans to chocolate*, bukan sahaja akan menggalakkan aktiviti penanaman koko malah juga aktiviti pemprosesan, pengilangan, perdagangan dan komersial yang berkaitan di samping membuka peluang penyertaan golongan muda ke industri ini. Konsep ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan penghasilan lebih banyak produk berasaskan koko dan pembentukan entiti berteraskan komersial.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Majlis hari juga menyaksikan pelancaran pangkalan data Rangkaian Genom Kakao Malaysia atau *Genome Browser*, yang merupakan hasil penyelidikan LKM. Rangkaian Genom Kakao Malaysia merupakan pangkalan data dalam talian yang komprehensif bagi data dan aplikasi analisis genomik, genetik dan data biakbaka yang boleh digunakan oleh komuniti penyelidikan koko. *Genome Browser* ini merupakan portal genom capaian terbuka yang dihoskan oleh LKM dan dapat merevolusikan industri koko melalui pengurusan *big data* dan rangka kerja *Omics* yang bersepadu. Portal ini dapat menyumbang ke arah pengeluaran bahan tanaman unggul melalui penambahbaikan ciri-ciri agronomi melalui program biakbaka berpandukan penanda genetik (*genetic markers*).

9. Pelancaran Rangkaian Genom Kakao Malaysia ini amat bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke 30 penubuhan Lembaga Koko Malaysia pada tahun 2018 ini. Ia akan menjadi penanda aras kepada pendekatan yang lebih dinamik, global, jitu dan sah serta pantas yang akan melonjakkan sumbangan R&D ke arah pembangunan industri koko yang mampan dan berdaya saing dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini, saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Koko Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada LKM kerana berjaya menganjurkan Bengkel Pemantapan Gerak Kerja C-Team. Semoga bengkel ini telah mencapai

objektif penganjurannya dan LKM akan terus maju dengan pegawai dan kakitangan yang berwibawa demi pembangunan industri koko negara.

Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara,
Baliklah tuan/puan membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Di atas dahan burung tempua,
Melihat rusa tepi perigi,
Salam perpisahan untuk semua,
Di lain masa bersua lagi.

Dengan ini, saya dengan rasminya menutup Bengkel Pemantapan Gerak Kerja 'C-Team' Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA
11 OKTOBER 2018